

KENYATAAN MEDIA

PROJEK MRT LEMBAH KLANG MENCAPAI PENARAFAN 5 BINTANG UNTUK KELESTARIAN

***Anugerah ini mengiktiraf usaha MRT Corp dalam
kemampuan alam sekitar untuk MRT Laluan Putrajaya***

Kuala Lumpur, 12 April 2021: Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp) Sdn Bhd telah menerima pensijilan Kemampuan 5 Bintang INFRASTAR daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dengan markah tertinggi untuk reka bentuk MRT Laluan Putrajaya.

CIDB menganugerahkan pensijilan tersebut kepada MRT Corp pada 6 Januari 2021 di atas kemampuan alam persekitaran yang merupakan salah satu tonggak strategi Pembangunan Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020 yang dilaksanakan CIDB.

Majlis penyampaian sijil diadakan hari ini di Pusat Latihan KVMRT di Sungai Buloh di mana Ketua Pegawai Eksekutif CIDB Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid telah menyampaikan Pensijilan Kemampuan 5 Bintang INFRASTAR kepada Pengarah Projek MRT Laluan Putrajaya, Dato 'Amiruddin Ma'aris.

Dalam ucapan tahniahnya, 'Asri menyatakan bahawa sistem penarafan Kemampuan INFRASTAR adalah sebuah usaha dalam memastikan sektor pembinaan negara tidak memberi kesan buruk terhadap kelestarian alam sekitar.

"Saya berbesar hati kerana semakin banyak pemain industri kini memandang serius akan langkah-langkah kelestarian, dan mula tampil untuk menilai projek mereka, terutama dengan Kemampuan INFRASTAR.

"Ini jelas dapat dilihat melalui penilaian cemerlang yang telah diterima oleh MRT Corporation Sdn Bhd untuk fasa reka bentuk projek MRT Laluan Putrajaya. Ini menandakan sebuah langkah ke hadapan dalam mewujudkan budaya yang lebih peka terhadap kelestarian dalam industri pembinaan," kata 'Asri.

'Asri juga mengatakan bahawa kad laporan Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020 menunjukkan lebih daripada 90% objektifnya telah dicapai, melalui pelbagai inisiatif di bawah empat teras strategi termasuk teras strategi Kemampuan Alam Sekitar.



Di dalam ucapannya, Amiruddin berkata penganugerahan ini merupakan satu pengiktirafan bagi usaha yang dijalankan sepanjang projek MRT Laluan Putrajaya untuk memastikan ia adalah sebuah infrastruktur yang mapan.

“Pensijilan Kemampanan 5 Bintang INFRASTAR mengiktiraf amalan kemampanan berterusan dalam peringkat pra-pentauliahan projek di mana ciri-ciri persekitaran dan sosial diutamakan. Projek ini juga memastikan bahawa amalan terbaik persekitaran dan sosial yang dilaksanakan adalah selaras dengan piawaian-piawaian yang digunapakai di dalam dan di seluruh dunia,” kata Amiruddin.

Kemampanan INFRASTAR merupakan sistem penilaian objektif dan berdasarkan bukti yang menilai projek infrastruktur mengenai faktor-faktor utama kemampanan seperti perancangan dan pengurusan penggunaan tanah, pengurusan sumber, pengurusan tenaga dan air, biodiversiti dan perkhidmatan-perkhidmatan ekosistem yang lain, perlindungan sosial dan budaya dan koordinasi pihak berkepentingan.

Antara pencapaian-pencapaian MRT Laluan Putrajaya dalam memperoleh pensijilan ini adalah pengurangan tenaga sehingga 39.24% daripada tahap penggunaan asas kuasa aktif daripada semua tren-tren elektrik dan pengurangan tenaga sehingga 42.29% berdasarkan pengkadaran motor pemampat pendingin bangunan.

Amiruddin berkata tahun ini, MRT Corp akan bekerjasama dengan Kontraktor Siap Pakai dan Kontraktor-Kontraktor Pakej Kerja untuk penilaian peringkat pembinaan projek yang akan disahkan oleh CIDB untuk amalan kemampanan persekitarannya.

Semasa acara pada hari ini, MRT Corp juga menyampaikan anugerah kepada para pengamal keselamatan, kesihatan dan alam sekitar (SHE) projek, seperti Pegawai Keselamatan dan Kesihatan, Pegawai Alam Sekitar dan Penyelia Keselamatan Tapak, yang terus menunjukkan kecemerlangan dalam prestasi mereka.

Empat penerima anugerah Program Pengiktirafan Pengamal SHE adalah seperti berikut;

1. Mohd Fitteri Shah Ngah Deman

Mudajaya Corporation Bhd

2. Ahmad Azamuddin Bin Azman

Ahmad Zaki Sdn Bhd (AZRB)

3. Farid 'Ismat Bin Hussine

MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd

4. Effa Norsyazwani Jaffar

Consortium KKM-TRC

“Program Pengiktirafan Pengamal SHE adalah bertujuan untuk memberi penghargaan kepada para pengamal SHE sebagai cara kami menggalakkan warga kerja untuk



menggunakan tingkah laku yang selamat dan mengelakkan dari berlakunya kemalangan dan kecederaan,” kata Amiruddin.

Beliau berkata penganugerahan itu juga akan memberi inspirasi kepada pengamal keselamatan yang lain untuk terus meningkatkan piawaian dan projek mereka secara keseluruhan.

Terdapat empat peringkat dalam proses penilaian, bermula dengan pencalonan pengamal oleh Kontraktor Siap Pakai. Calon kemudian dinilai dan disaring oleh warga kerja SHE MRT Corp di Tahap 2, diikuti dengan sesi pembentangan dan wawancara pada tahap berikutnya. Pemenang kemudian dipilih di peringkat akhir dan diberi pengiktirafan yang sewajarnya.

TAMAT

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my